

Kerjasama dengan IPT antarabangsa

Oleh HAKIMI ISMAIL

pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 20 NOV.

UNIVERSITI awam perlu menjalin kerjasama dengan institusi pengajian tinggi (IPT) antarabangsa untuk penawaran kursus dan program latihan bagi menzahirkan matlamat menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan global.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, sebagai contoh, universiti tempatan boleh menjalin kerjasama dengan Universiti Heriot-Watt untuk menempatkan penuntut mereka di universiti berkenaan bagi tempoh tertentu dan ia lebih mudah kerana pusat pengajian itu mempunyai cawangannya di sini.

"Universiti Heriot-Watt baru-baru ini diiktiraf Times and Sunday Times Good University Guide 2018 sebagai universiti antarabangsa terbaik dan ini mungkin permulaan yang baik ke arah jalinan kerjasama dengan universiti

tempatan," katanya dalam sidang akhbar hari ini.

Terdahulu, Idris menghadiri majlis ramah mesra dengan penuntut Universiti Heriot-Watt di sini sempena majlis sambutan dan pengiktirafan pusat pengajian itu sebagai universiti antarabangsa terbaik oleh Sunday Times Good University Guide 2018.

Mengulas lanjut katanya, beliau juga telah berbincang dengan Ketua Pegawai Eksekutif Universiti Heriot-Watt, Prof. Mushtak Al-Atabi berhubung kerjasama itu dan menerima reaksi positif mengenainya.

"Mungkin buat permulaan ini, kita boleh mulakan dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai universiti tempatan pertama yang menjalin kerjasama dengan Universiti Heriot-Watt

"Kita boleh tempatkan penuntut UKM selama setahun bagi mendapatkan pendedahan lebih banyak mengenai suasana belajar di universiti berkenaan," ujarnya.

Kerjasama ini juga boleh meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris mereka.

Mengenai visa pelajar asing, Idris berkata, setiap tahun kira-kira 70,000 visa pelajar asing diuruskan oleh Sistem Perkhidmatan Global Pendidikan Malaysia (EMGS).

"Ketika ini, pengeluaran visa pelajar asing sudah dipermudah dan dipercepatkan iaitu daripada sebulan kepada 14 hari, malah sejak Januari lalu hanya enam hari diperlukan untuk kelulusan Jabatan Imigresen.

"Untuk rekod, ketika ini terdapat kira-kira 134,000 pelajar antarabangsa di universiti awam dan swasta seluruh negara tahun ini," katanya.

Dalam pada itu katanya, EMGS merupakan syarikat milik penuh kementerian adalah pusat sehati yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal pelajar antarabangsa termasuk pemprosesan permohonan pas pelajar untuk mengikuti pengajian tinggi di negara ini.



IDRIS JUSOH bersama penuntut Universiti Heriot-Watt sempena majlis pengiktirafan pusat pengajian tinggi itu sebagai universiti antarabangsa oleh Sunday Times Good University Guide 2018 di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/ZAKI AMIRUDDIN